



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, MALAYSIA JANUARI 2025

Indeks Harga Pengeluar Malaysia meningkat 0.8 peratus pada Januari 2025

PUTRAJAYA, 27 Februari 2025 – Indeks Harga Pengeluar Malaysia, yang mengukur perubahan harga di peringkat pengeluar, meningkat 0.8 peratus tahun ke tahun pada Januari 2025, meneruskan peningkatan 0.5 peratus yang dicatatkan pada Disember 2024. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh sektor Pertanian, perhutanan & perikanan, manakala sektor Perlombongan dan Pembuatan terus mencatatkan penurunan marginal. Ini dilaporkan dalam laporan bulanan terbaharu **INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, JANUARI 2025** diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, menekankan, "Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan mencatatkan peningkatan 16.5 peratus tahun ke tahun pada Januari 2025, berbanding 23.8 peratus pada Disember 2024. Indeks Penanaman tanaman kekal, kekal sebagai penyumbang utama dengan peningkatan 29.4 peratus. Sementara itu, sektor Perlombongan meneruskan trend penurunan dengan penguncupan 1.3 peratus (Disember 2024: -7.0%), dengan penurunan dicatatkan oleh Pengekstrakan petroleum mentah (-1.4%) dan Pengekstrakan gas asli (-1.3%). Sektor Pembuatan turut mencatatkan penurunan 0.6 peratus, penyusutan yang lebih kecil berbanding penurunan 1.0 peratus pada bulan sebelumnya. Penurunan ini didorong terutamanya oleh Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-15.5%) dan Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal (-1.9%). Sebaliknya, sektor Bekalan elektrik & gas meningkat sebanyak 0.4 peratus, manakala sektor Bekalan air meneruskan trend kenaikan dengan peningkatan 7.6 peratus."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan lagi, "Pada asas bulanan, IHPR Pengeluaran Tempatan mencatatkan peningkatan 0.3 peratus pada Januari 2025, lebih perlahan berbanding 0.8 peratus pada Disember 2024. Sektor Perlombongan kembali pulih dengan peningkatan 5.3 peratus (Disember 2024: -0.2%), didorong oleh indeks Pengekstrakan petroleum mentah (8.7%). Sementara itu, sektor Pembuatan mencatatkan peningkatan perlahan 0.3 peratus (Disember 2024: 0.8%), disokong oleh Pembuatan produk makanan (1.9%) dan Pembuatan kimia & produk kimia (0.7%). Sebaliknya, sektor Pertanian, perhutanan & perikanan mencatatkan penurunan 3.9 peratus (Disember 2024: 1.6%), disebabkan oleh indeks Penanaman tanaman kekal (-5.9%) dan Perikanan (-2.6%). Bagi sektor utiliti, sektor Bekalan air meningkat perlahan 1.2 peratus, manakala sektor Bekalan elektrik & gas turun 0.4 peratus."

Mengulas lebih lanjut mengenai IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut peringkat pemprosesan, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan, "Indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya mencatatkan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 2.4 peratus berbanding 1.9 peratus pada Disember 2024. Peningkatan ini didorong oleh indeks Bahan bukan makanan, yang meningkat 3.1 peratus. Indeks Barang siap juga menunjukkan trend kenaikan 1.1 peratus (Disember 2024: 0.5%), di mana Kelengkapan modal meningkat 2.1 peratus. Sementara itu, indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen meningkat perlahan 0.2 peratus (Disember 2024: 0.1%), disokong oleh indeks Bahan & komponen untuk pembuatan (4.4%)."

Pada asas bulanan, indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya mencatatkan peningkatan sederhana 0.5 peratus pada Januari 2025, meneruskan momentum peningkatan pada bulan sebelumnya. Indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen meningkat perlahan 0.2 peratus, manakala indeks Barang siap juga mencatatkan kenaikan 0.2 peratus, menunjukkan pergerakan harga yang stabil merentasi kesemua peringkat pemprosesan.

Perbandingan dengan negara terpilih menunjukkan bahawa Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Amerika Syarikat meningkat 3.5 peratus pada Januari 2025, mengekalkan kadar kenaikan yang sama seperti bulan sebelumnya. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh sektor Permintaan akhir bagi barangan, khususnya indeks Tenaga. IHPR Jepun meningkat 4.2 peratus, berbanding kenaikan 3.9 peratus pada bulan sebelumnya, menandakan paras tertinggi sejak Mei 2023. Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh indeks yang lebih tinggi dalam sektor Minuman & makanan dan Petroleum


& arang batu. Harga kilang bagi barangan yang dihasilkan di United Kingdom juga meningkat perlahan 0.3 peratus (Disember 2024: -0.1%), didorong oleh indeks yang lebih tinggi bagi Produk makanan dan Persediaan bahan kimia dan farmaseutikal. Sementara itu, harga pengeluar di China terus mencatatkan penurunan 2.3 peratus, mengekalkan kadar yang sama seperti bulan sebelumnya. Ini merupakan bulan ke-28 berturut-turut bagi deflasi pengeluar, dengan penurunan terendah sejak Ogos 2024, walaupun Beijing terus berusaha untuk meningkatkan permintaan pada awal tahun ini.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut memberikan pandangan mengenai harga komoditi terpilih di Malaysia, dengan purata harga minyak mentah Brent berada sekitar \$79 setong pada Januari 2025, meningkat daripada \$74 setong pada bulan sebelumnya. Menurut Tinjauan Komoditi Bank Dunia, dinamik pasaran dipengaruhi oleh potensi peningkatan bekalan daripada OPEC+ dan Rusia, serta permintaan yang tidak menentu dari China. Sementara itu, purata harga minyak sawit mentah berada sekitar RM4,700 setiap tan, turun daripada RM5,100 setiap tan pada Disember 2024. Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) menyatakan bahawa eksport minyak sawit Malaysia dijangka mengalami penurunan bermusim pada Januari dan Februari, terutamanya disebabkan oleh pengurangan pengeluaran. Bagi suku pertama 2025, MPOC menjangkakan harga minyak sawit berada dalam lingkungan RM4,250 hingga RM4,550 setiap tan.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan". DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Carta 1: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan, Malaysia




Carta 2: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor (Tahun ke Tahun), Malaysia




Carta 3: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Peringkat Pemprosesan (Tahun ke Tahun), Malaysia



Carta 4: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengguna (IHP) dan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bagi Negara-Negara Terpilih (Tahun ke Tahun)





Sumber: Laman web rasmi *National Statistical Offices (NSOs)* terpilih

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
27 FEBRUARI 2025**



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514, Federal Territory Putrajaya
Telephone no. : 03 - 8090 4681

PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, MALAYSIA JANUARY 2025

Malaysia's Producer Price Index rises 0.8 per cent in January 2025

PUTRAJAYA, 27th February 2025 – Malaysia's Producer Price Index (PPI), which measures price changes at the producer level, increased by 0.8 per cent year-on-year in January 2025, extending the 0.5 per cent rise recorded in December 2024. This increase was largely supported by the Agriculture, forestry & fishing sector, while Mining and Manufacturing sectors continued to show marginal declines. This was reported today in the latest monthly report of **PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, JANUARY 2025**, published by the Department of Statistics Malaysia.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, highlighted, "The Agriculture, forestry & fishing sector recorded an increase of 16.5 per cent year-on-year in January 2025, as compared to 23.8 per cent increase in December 2024. The Growing of perennial crops index remained the main contributor, rising by 29.4 per cent. Meanwhile, the Mining sector continued its downward trend, contracting by 1.3 per cent (December 2024: -7.0%), with declines recorded in both Extraction of crude petroleum (-1.4%) and Extraction of natural gas (-1.3%). The Manufacturing sector decreased by 0.6 per cent, a smaller contraction compared to 1.0 per cent decline in the previous month. The drop was mainly influenced by Manufacture of coke & refined petroleum products (-15.5%) and Manufacture of computer, electronic & optical products (-1.9%). In contrast, the Electricity & gas supply sector recorded a 0.4 per cent increase, while the Water supply sector continued its upward trend, rising by 7.6 per cent."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin further explained, "On a month-on-month basis, PPI Local Production registered a 0.3 per cent increase in January 2025, slowing from 0.8 per cent in December 2024. The Mining sector rebounded, increasing by 5.3 per cent (December 2024: -0.2%), led by the Extraction of crude petroleum index (8.7%). Meanwhile, the Manufacturing sector recorded a slight increase of 0.3 per cent (December 2024: 0.8%), supported by Manufacture of food products (1.9%) and Manufacture of chemicals & chemical products (0.7%). In contrast, the Agriculture, forestry & fishing sector recorded a 3.9 per cent decline (December 2024: 1.6%), due to Growing of perennial crops (-5.9%) and Fishing (-2.6%) indices. In the utilities sector, the Water supply sector increased by 1.2 per cent, while the Electricity & gas supply sector declined by 0.4 per cent."

Elaborating further on the PPI Local Production by stage of processing, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, explained, "The Crude materials for further processing index recorded a year-on-year increase of 2.4 per cent as compared to 1.9 per cent in December 2024. This increase was mainly attributed to the Non-Food Materials index, which rose by 3.1 per cent. The Finished goods index also showed an upward trend, increasing by 1.1 per cent (December 2024: 0.5%), with Capital equipment contributing a 2.1 per cent rise. Meanwhile, the Intermediate materials, supplies & components index edged up 0.2 per cent (December 2024: 0.1%), supported by Materials & components for manufacturing index (4.4%)."

On a month-on-month basis, the Crude materials for further processing index recorded a moderate increase of 0.5 per cent in January 2025, continuing the upward momentum from the previous month. The Intermediate materials, supplies & components index increased slightly by 0.2 per cent, while the Finished goods index also recorded a 0.2 per cent rise, indicating steady price movements across all processing stages.

A comparison of selected countries showed that the United States Producer Price Index (PPI) rose by 3.5 per cent in January 2025, maintaining the same pace as the previous month. The increase was primarily driven by the Final demand goods sector, particularly the Energy index. Japan's PPI increased by 4.2 per cent, up from a 3.9 per cent rise in the previous month, marking the highest since May 2023. The increase was largely attributed to higher index of Beverage & foods and Petroleum & coal sectors. Similarly, factory gate prices for goods produced by the United Kingdom rose marginally by 0.3 per cent (December 2024: -0.1%), driven by higher index of Food products and Chemicals and pharmaceuticals preparations. Meanwhile, China's producer prices continued to decline by

2.3 per cent, keeping the same pace as in the prior month. This was the 28th consecutive month of producer deflation, the lowest decline since August 2024, despite Beijing's ongoing efforts to boost demand at the start of the year.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin provided insights into Malaysia's current selected commodity prices, stating that Brent crude averaging around \$79 per barrel in January 2025, up from \$74 per barrel the previous month. According to the World Bank's Commodity Outlook, market dynamics were influenced by potential supply increases from OPEC+ and Russia, as well as uncertain demand from China. Meanwhile, the average price of crude palm oil hovered around RM4,700 per tonne, down from RM5,100 per tonne in December 2024. The Malaysian Palm Oil Council (MPOC) noted that Malaysia's palm oil exports are expected to experience a seasonal decline in January and February, primarily due to reduced production. For the first quarter of 2025, MPOC projected that palm oil prices would range between RM4,250 and RM4,550 per tonne.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Chart 1: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production, Malaysia




Chart 2: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Sector (Year-on-Year), Malaysia




Chart 3: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Stage of Processing (Year-on-Year), Malaysia






Chart 4: Percentage Change of Consumer Price Index (CPI) and Producer Price Index (PPI) of Selected Countries (Year-on-Year)





Source: Official websites of selected National Statistical Offices (NSOs)

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
27th FEBRUARY 2025**